

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

1. Apakah usaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk menyediakan lorong berbasikal seperti yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)? Nyatakan pelan dengan terperinci.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak ketinggalan dalam memenuhi manifesto Kerajaan Negeri dalam menyediakan laluan berbasikal sepanjang 200 KM di seluruh Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Untuk itu, MPSP telah menyediakan satu Pelan Induk Laluan Basikal Seberang Perai pada tahun 2011. Menurut perancangan pelan tersebut sebanyak tujuh (7) lokasi laluan basikal telah disediakan oleh MPSP dengan jarak keseluruhan berjumlah 171.325 KM. Pembinaan laluan basikal tersebut adalah berkonsepkan *dedicated lane and road sharing*. Pada ketika ini, MPSP sedang melaksanakan pembinaan tiga (3) laluan basikal di Bandar Bertam, Bandar Perda dan Bandar Sunway dengan jarak keseluruhan 26.125 KM. MPSP juga telah menyediakan papan tanda untuk laluan basikal di jalan-jalan seperti yang telah ditentukan dalam Pelan Induk Laluan Basikal Seberang Perai. Pelan Induk Basikal Seberang Perai adalah seperti di **Lampiran A**.